## BAHAGIAN AKHLAK ISLAMIAH

### TAJUK 1 : ADAB MENJAGA FITRAH LELAKI DAN PEREMPUAN

1. (a) Tulis (**Y**) pada 'Adab Pergaulan Sesama Lelaki´ dan (**Z**) pada 'Adab Pergaulan Di antara Lelaki Dengan Perempuan' bagi pernyataan di bawah.

(i) Memakai pakaian yang menutup aurat. ☐

(ii) Menjauhi perbuatan homoseks. ☐

(iii) Tidak berdua-dua di tempat sunyi. ☐

(iv) Tidak berpakaian seperti wanita. ☐

(4 markah)

(b) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang tepat.

| wajib | semulajadi | cantik | Islam | lutut |
|---|---|---|---|---|

(i) Fitrah bermaksud sifat _______________ sama ada bakat, pembawaan, perasaan keagamaan dan selainnya.

(ii) Adab menjaga fitrah lelaki atau perempuan bermaksud menjaga tingkah laku yang sopan dan menjaga sifat semulajadi sebagai seorang lelaki atau perempuan berdasarkan syariat ________________.

(iii) Aurat lelaki sesama lelaki ialah antara pusat dengan ________________.

(iv) Hukum menjaga fitrah sebagai lelaki atau perempuan adalah _______________.

(4 markah)

(c) (i) Nyatakan **dua** faktor berlakunya perbuatan yang menyalahi fitrah.

1. ..............................................................................................................................

2. ..............................................................................................................................

(2 markah)

(c) (ii) Jelaskan **dua** akibat menyalahi fitrah kelelakian dan keperempuan.

1. ..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

2. ..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

(4 markah)

(d) Terangkan **dua** hikmah mematuhi fitrah lelaki atau perempuan.

1. ..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

2. ..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

(4 markah)

(e)

| |
|---|
| Antara kesan menyalahi fitrah leleki dan perempuan ialah meningkatnya gejala maksiat serta munculnya penyakit yang merbahaya dan dihina oleh masyarakat. |

Merujuk pernyataan di atas, huraikan hujah anda mengapa perbuatan di atas semakin meningkat?

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

(4 markah)

## TAJUK 2 : ADAB BERKAWAN

2. (a) Tulis (**Y**) pada ciri 'Kawan Yang Baik´ dan (**Z**) pada ciri 'Kawan Yang Tidak Baik' bagi pernyataan di bawah.

(i) Taat kepada perintah Allah SWT. [ ]

(ii) Mengamalkan sifat mazmumah. [ ]

(iii) Tidak mendedahkan keburukan kawan. [ ]

(iv) Mementingkan diri sendiri. [ ]

(4 markah)

(b) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang tepat.

| mendoakan | berdamping | ikhlas | masalah | bersama |
|---|---|---|---|---|

(i) Kawan ialah orang yang selalu _________________ dengan kita selain kaum kerabat.

(ii) Antara sebab kita perlu berkawan ialah tempat untuk seseorang meluahkan isi hati dan _________________ yang dihadapi.

(iii) Sentiasa memberi salam dan ________________ kebaikan ketika bertemu dan berpisah dengan kawan.

(iv) Jujur dan _________________ dalam persahabatan bagi memastikan hubungan dengan kawan sentiasa baik.

(4 markah)

(c) Terangkan **dua** kelebihan berkawan dengan orang yang baik.

1. ...................................................................................................................................

...................................................................................................................................

2. ...................................................................................................................................

...................................................................................................................................

(4 markah)

(d) Ibu Amin baru saja meninggal dunia kerana penyakit yang dihadapinya. Anda turut simpati degan situasi Amin.

Sebagai rakan baiknya, jelaskan nasihat yang perlu anda berikan supaya Amin boleh terus berbakti kepada ibunya walaupun sudah meninggal dunia.

...................................................................................................................................

...................................................................................................................................

...................................................................................................................................

...................................................................................................................................

...................................................................................................................................

...................................................................................................................................

(4 markah)

## TAJUK 3 : ADAB KEPADA IBU BAPA

3. (a) Tulis (**Y**) pada 'Adab kepada Ibu Bapa´ dan (**Z**) pada ´Adab Bukan Kepada Ibu Bapa´ bagi pernyataan di bawah.

(i) Mentaati perintah selagi tidak bertentangan dengan syarak. ☐

(ii) Bercakap dengan menggunakan bahasa yang kasar. ☐

(iii) Menjaga perasaan. ☐

(iv) Tidak berterima kasih. ☐

(4 markah)

(b) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang tepat.

| kesejahteraan | mewajibkan | mendoakan | meredai | selamat |
|---|---|---|---|---|

(i) Islam _______________ setiap umatnya beradab kepada ibu bapa.

(ii) Anak yang tidak mentaati ibu bapa ialah anak yang derhaka dan tidak ________________ hidup mereka di dunia dan di akhirat.

(iii) Kita hendaklah mendoakan ________________ untuk ibu bapa setiap kali selepas solat.

(iv) Allah SWT sangat benci dan tidak ________________ kehidupan anak yang menderhaka kepada ibu bapa.

(4 markah)

(c) Terangkan **dua** hikmah menghormati ibu bapa.

1. ..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

2. ..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

(4 markah)

(d) Alia telah menengking ibunya kerana tidak mengizinkan dia keluar pada waktu malam bersama rakan-rakannya.

Kemukakan pendapat anda berkaitan pernyataan di atas dengan mengaitkannya "Syurga dibawah telapak kaki ibu”.

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

(4 markah)

Antara gejala negatif yang berlaku dalam masyarakat Islam hari ini ialah perbuatan anak menghantar ibu bapa mereka ke rumah asuhan orang tua.

Merujuk kepada pernyataan di atas, kemukakan pandangan anda mengapa bberlaku situasi tersebut.

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

(4 markah)

## TAJUK 4 : ADAB BERGAUL DENGAN KELUARGA

4. (a) Tulis (**Y**) pada 'Adab Bergaul Dengan Keluarga' dan (**Z**) pada 'Amalan Yang Menyalahi Adab Bergaul Dengan Keluarga' bagi pernyataan di bawah.

(i) Bekerjasama dalam perkara kebaikan. [ ]

(ii) Berbicara dengan menggunakan perkataan yang kasar. [ ]

(iii) Mengasihi yang lebih muda dan menghormati yang lebih tua. [ ]

(iv) Menyokong perbuatan maksiat yang berlaku dalam keluarga. [ ]

(4 markah)

(b) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang tepat.

| kebaikan | terdekat | kemesraan | keharmonian | dengki |
|---|---|---|---|---|

(i) Keluarga bermaksud sanak saudara, kaum kerabat dan saudara mara _______________ termasuk ibu bapa, datuk, nenek, adik-beradik, bapa saudara dan emak saudara.

(ii) Islam mewajibkan setiap mukmin menjaga adab bergaul dengan keluarga untuk menjamin ________________ keluarga.

(iii) Setiap ahli keluarga hendaklah saling nasihat-menasihati ke arah _________________.

(iv) Setiap individu hendaklah menjauhi perasaan hasad dan _________________ dengan sesuatu kelebihan yang ada pada keluarga.

(4 markah)

(c) Nyatakan **dua** kebaikan menjaga adab bergaul dengan keluarga.

1. ........................................................................................................................................

2. ........................................................................................................................................

(2 markah)

(d) Jelaskan **dua** akibat tidak menjaga adab berkeluarga kepada keluarga.

1. ..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

2. ..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

(4 markah)

(e)

| |
|---|
| Akhbar tempatan banyak menyiarkan berita mengenai perlakuan sumbang mahram yang berlaku dalam masyarakat. |

Merujuk kepada pernyataan di atas, hurikan hujah anda untuk mengelak perbuatan ini terus berleluasa dalam keluarga.

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

(4 markah)

## TAJUK 5 : ADAB BERGURU

5. (a) Tulis (**Y**) pada 'Pelajar Yang Beradab Dengn Guru' dan (**Z**) pada 'Pelajar Yang Kurang Sopan dengan Guru' bagi pernyataan di bawah.

(i) Mendahului salam apabila bertemu. ☐

(ii) Bertanya khabar apabila bertemu di luar sekolah. ☐

(iii) Tidak membuat kerja yang disuruh dengan bersungguh-sungguh. ☐

(iv) Bermasam muka dan tidak ceria menerima teguran dan nasihat. ☐

(4 markah)

(b) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang tepat.

| buruk | pendidikan | disanjung | membentuk | kebaikan |
|---|---|---|---|---|

(i) Guru ialah golongan kedua selepas ibu bapa yang berperanan memberi __________________ kepada anak-anak dan masyarakat.

(ii) Guru bertanggungjawab __________________ generasi yang beriman, berilmu pengetahuan dan berakhlak mulia.

(iii) Kegagalan pelajar menghormati guru memberi kesan yang __________________ dalam usaha melahirkan generasi yang berakhlak mulia.

(iv) Usaha dan jasa guru mendidik dan memberi ilmu pengetahuan hendaklah ________________ oleh masyarakat.

(4 mrkah)

(c) Nyatakan **dua** cara anda mengenang jasa guru.

1. ......................................................................................................................................

2. ......................................................................................................................................

(2 markah)

(d) (i) Jelaskan akibat derhaka kepada guru.

.....................................................................................................................

.....................................................................................................................

(2 markah)

(ii) Terangkan **dua** hikmah menghormati guru.

1. .....................................................................................................................

.....................................................................................................................

2. .....................................................................................................................

.....................................................................................................................

(4 markah)

(e) Sejak kebelakangan ini, kita sering melihat di dada akhbar tentang salahlaku pelajar yang biadap dengan guru.
Kemukakan pandanga anda, bagaimanakah perbuatan ini dapat diatasi daripada berlanjutan?

.....................................................................................................................

.....................................................................................................................

.....................................................................................................................

.....................................................................................................................

.....................................................................................................................

.....................................................................................................................

(4 markah)

## TAJUK 6 : ADAB MENUNTUT ILMU

6 (a) Tulis (**Y**) pada 'Ilmu Fardu Ain' dan (**Z**) pada 'Ilmu fardu kifayah' bagi pernyataan di bawah.

(i) Ilmu Akhlak. [ ]

(ii) Ilmu Sains dan Teknologi . [ ]

(iii) Ilmu Perubatan. [ ]

(iv) Ilmu Asas Membaca al-Quran. [ ]

(4 markah)

(b) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang tepat.

| kifayah | wajib | perubatan | faedah | kebaikan |
|---|---|---|---|---|

(i) Setiap orang Islam sama ada lelaki atau perempuan _______________ menuntut ilmu.

(ii) Seseorang itu akan dapat mengetahui sesuatu yang memberi _________________ kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara melalui pembelajaran.

(iii) Ilmuwan Islam telah membahagikan ilmu kepada dua bahagian, iaitu ilmu fardu ain dan fardu _________________.

(iv) Islam telah melahirkan tokoh-tokoh ilmuwan yang terkenal seperti Ibnu ahli falsafah dan _________________.

(4 markah)

(c) (i) Nyatakan **dua** adab menuntut ilmu.

1. ..........................................................................................................................

2. ..........................................................................................................................

(2 markah)

(c) (ii) Nyatakan **dua** tingkah laku yang tidak beradab ketika menuntut ilmu.

1. ..............................................................................................................................

2. ..............................................................................................................................

(2 markah)

(d) Jelaskan **dua** kepentingan menuntut ilmu.

1. ..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

2. ..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

(4 markah)

(e) Terdapat segelintir bijak pandai dalam bidang profesional telah menyalahgunakan ilmu pengetahuannya untuk kepentingan peribadi seperti penyelewengan kuasa dan rasuah.

Andaikan anda seorang pemimpin negara, bagaimanakah anda menangani situasi tersebut?

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

..............................................................................................................................

(4 markah)

## TAJUK 7 : ADAB MENJAGA HARTA BENDA SEKOLAH

7. (a) Nyatakan **dua** usaha yang boleh dilakukan untuk menjaga harta benda sekolah.

1. ........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

2. ........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

(4 markah)

(b) Jelaskan **dua** akibat perbuatan merosakkan harta benda sekolah.

1. ........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

2. ........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

(4 markah)

(c) ”Sekolahku Rumahku”.

Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas.

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

(4 markah)

## TAJUK 8 : ADAB MEMBACA AL-QURAN

8. (a) Tulis (**Y**) pada 'Sebelum Membaca al-Quran' dan (**Z**) pada 'Adab Semasa Membaca al-Quran' bagi pernyataan di bawah.

(i) Duduk dengan tertib. [ ]

(ii) Membaca dengan bertajwid dan taranum. [ ]

(iii) Niat mendampingkan diri kepada Allah SWT. [ ]

(iv) Mengambil iktibar daripada apa yang dibaca. [ ]

(4 markah)

(b) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang tepat.

| hormat | tinggi | suci | pahala | sesuai |
|---|---|---|---|---|

(i) Al-Quran ialah kitab ________________ yang diturunkan oleh Allah SWT sebagai panduan hidup manusia.

(ii) Orang yang membaca al-Quran diberi ________________.

(iii) Setelah selesai membaca al-Quran, hendaklah meletakkannya di tempat yang ________________.

(iv) Kita hendaklah membawa al-Quran dengan penuh ________________.

(4 markah)

(c) Nyatakan **dua** implikasi mengabaikan adab membaca al-Quran.

1. ..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

2. ..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

(4 markah)

(d) Terangkan **dua** hikmah beradab membaca al-Quran.

1. ..............................................................................................................................................

..............................................................................................................................................

2. ..............................................................................................................................................

..............................................................................................................................................

(4 markah)